

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (10)

6 Februari 2025
7 Sya'ban 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8/2025

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

IKLAN JAWATAN KETUA KAMPUS CAWANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA – (KAMPUS) (CAWANGAN KUALA LUMPUR)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan Ketua Kampus Cawangan, Universiti Teknologi Malaysia – (Kampus) (Cawangan Kuala Lumpur) di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan bermula dari 6 Februari 2025.

2. Sehubungan dengan itu, semua staf yang layak boleh mengemukakan permohonan masing-masing untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut dengan melengkapkan borang permohonan di pautan, <https://registrar.utm.my/epengambilan/>

3. Semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **17 Februari 2025 (Isnin)** melalui borang permohonan yang telah disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)

Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. -
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**IKLAN JAWATAN KETUA KAMPUS CAWANGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA – (KAMPUS) (CAWANGAN KUALA LUMPUR)**

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan : Ketua Kampus Cawangan
Universiti Teknologi Malaysia – (Kampus)
(Cawangan Kuala Lumpur)

Tempoh Pelantikan : Tiga (3) tahun atau tertakluk kepada kelulusan
Kementerian Pendidikan Tinggi

2. KRITERIA UMUM : KOMPETENSI KEPIMPINAN

- i. **Jaringan dan Kolaborasi Strategik**
Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/ pengiktirafan Universiti.
- ii. **Perancangan Strategik:**
Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.
- iii. **Meneraju Perubahan:**
Kebolehan untuk menjangka, menerima dan memandu perubahan yang berterusan dan kekal relevan bagi mengekalkan daya saing dan kecemerlangan universiti.
- iv. **Pengurusan dan Pembangunan Organisasi:**
Kebolehan memahami dan menilai aspek-aspek yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi berasaskan standard sistem pengurusan kualiti bagi meningkatkan daya saing Universiti.
- v. **Kemahiran Membuat Keputusan:**
Kebolehan memahami, merancang, melaksana dan menganalisis kaedah dan pendekatan yang berkesan, tepat dan berkualiti bagi menghasilkan keputusan terbaik untuk mencapai kecemerlangan organisasi.
- vi. **Integriti:**
Menunjukkan kesungguhan mengamalkan nilai-nilai murni dalam semua keadaan termasuk kata-kata, tingkah laku, tindakan dan keputusan yang dibuat berpandukan ketelusan, justifikasi yang jelas, pematuhan peraturan dan etika.

3. CARA PERMOHONAN

- Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi di pautan, <https://registrar.utm.my/epengambilan/>
- Tarikh tutup permohonan adalah pada **17 Februari 2025**.

- Calon-calun yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek atau dipanggil temu duga.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada :

En. Mohd Zaires bin Md Daris

Menjalankan Fungsi Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

E-mel : mohdzaires@utm.my

Puan Norhafizah binti Mohd Hanapiah

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

No. Telefon : 07-55 30420

E-mel : norhafizah@utm.my